

**KAJIAN TERHADAP UNSUR ALAM DALAM REKA CORAK
SONGKET TERENGGANU**

NOR SURAINI BINTI MD.NOOR

**PROJEK PENYELIDIKANINI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI SARJANA MUDA
PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

UNIVERSITI

MALAYSIA
FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
KELANTAN
2011

PERAKUAN

Laporan ini adalah hasil usaha pelajar sendiri berdasarkan kepada penyelidikan yang telah dilaksanakan oleh pengkaji, kecuali pada bahagian-bahagian yang diberikan kredit dan yang dilampirkan dari sumber-sumber yang telah dinyatakan.

.....

Tarikh : 18 JANUARI 2012

(Tandatangan Pelajar)

Nama Pelajar :

NOR SURAINI BINTI MD. NOOR

NO. MATRIK:

C08A060

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Disahkan Oleh :

.....

Tarikh : 18 JANUARI 2012

(Tandatangan Penyelia)

Nama Penyelia : EN. FAUZI BIN AB. LLAH

Cop Jawatan:

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

DEDIKASI

Segala puji bagi Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Pengasihani

Karya ini khusus untuk :

Buat Ayahanda dan Bonda tercinta

MD.NOOR BIN AB.RAHMAN DAN RUHAIDA BINTI MOHD LELA

Terima kasih di atas pengorbanan yang tidak terhingga dicurahkan selama ini

Doa kalian pembakar semangat bagiku

Terima kasih kepada adik-beradikku yang tersayang

Abang, kakak dan adik-adik

Yang banyak memberi sokongan dan bantuan

Untuk teman seperjuangan yang dihormati segala perkongsian ilmu dan bantuan kalian

Akan tetap di kenang ke akhir hayatku

Jutaan terima kasih atas segalanya

Hanya Allah yang dapat membalaunya

KELANTAN

PENGHARGAAN

‘Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Pengasihani’

Alhamdulillah dan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, dapat juga saya menyiapkan tesis saya ini iaitu salah satu matapelajaran yang wajib di ambil oleh setiap pelajar Pengajian Warisan bagi memenuhi syarat untuk mendapat Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan jutaan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada penyelia projek Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian, En. Fauzi Bin Ab. Llah yang telah mengorbankan banyak masa dan tenaga untuk membimbing dan memberi tunjuk ajar serta nasihat sepanjang saya menyempurnakan kajian ini. Juga kepada semua pensyarah yang turut terlibat dan memberikan banyak galakan dan tunjuk ajar kepada saya. Tanpa bantuan dan bakti beliau, adalah sukar untuk saya menghasilkan projek ini dengan jayanya. Semoga segala sumbangan dan pengorbanan ini diberkati oleh Allah S.W.T.

Kepada rakan seperjuangan yang sama-sama menyiapkan tesis yang saling memberikan galakan kepada sesama sendiri untuk lebih bersemangat dalam menghasilkan satu tesis yang terbaik untuk disiapkan. Juga tidak lupa kepada kedua ibubapa dan ahli keluarga lain yang selalu mendoakan dan memberikan galakan yang tidak pernah putus kepada saya.

Akhir sekali penghargaan ini juga ditujukan kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan kajian ini.

Sekian terima kasih,
Nor suraini bt Md.Noor,
Universiti Malaysia Kelantan,
2011.



UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

ABSTRAK

Songket merupakan satu kerajinan masyarakat Melayu, ia merupakan satu tekstil tradisional yang bermutu tinggi kerana keunikian dan kehalusan kain songket amat menpersonakan. Kehalusan dan keindahan songket sebagai lambang warisan seni tenunan Melayu yang diwarisi zaman-berzaman sememangnya memukau jika dihayati dengan mendalam. Corak dan motifnya memaparkan identiti orang Melayu, di samping mencerminkan cita rasa budaya bangsa yang hidup dalam alam persekitaran yang kaya dengan keindahan dan keunikian. Dalam kajian ini, pengkaji telah membuat kajian berkenaan dengan unsur alam dalam kain songket Terengganu. Kajian ini dibuat kerana ingin mengetahui rekacorak kain songket dan hanya 15 unsur alam telah dikaji. Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengetahui adakah unsur alam menjadi inspirasi kepada penenun mencipta corak. Objektif kajian adalah unuk mengkaji unsur alam dalam rekacorak songket dan mengetahui faktor pemilihan corak kain songket. Kajian ini dibuat dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu kajian perpustakaan termasuklah kajian teks, tesis yang berkenanan kain songket dan jurnal dan tinjaun ke tempat tenunan songket di Kampung Pasir Pajang, Kuala Terengganu. Selain itu untuk mendapat maklumat dengan lebih tepat lagi kaedah temubual juga dilakukan. Melalui kaedah kajian temubual ini, segala maklumat yang dikumpul dan di analisis untuk menjawab persoalan daripada objektif kajian. Daripada rumusan kajian sememangnya corak kain songket Terengganu di inspirasi daripada unsur alam serta mempunyai nilai estetikal yang tinggi dan kain songket perlu dinaikkan taraf agar sejajar dengan kain antarabangsa.

KELANTAN

ABSTRACT

Songket is one crunches Malay community, it is traditional a textile that deluxe because uniqueness and deeply fascinating songket material fineness. Fineness and songket beauty as Malay woven fabric art heritage symbol innately continuously certainly mesmerize if appreciated deeply. Pattern and the motive display Malay people's identity, beside reflect ethnic culture taste who live in natural environment that is rich with beauty and uniqueness. In this study, researcher has made study on element of nature in Terengganu songket material. This study made because inquisitive design songket cloth and only 15 element of nature was studied. In this study, researcher inquisitive do element of nature become inspiration to weaver create pattern. Objective of the study is to study element of nature in design songket and know songket material pattern selection factor. This study made by use qualitative method namely library study including text study, thesis concern songket material and journal and survey to songket weaving place in Kampung Pasir Pajang, Kuala Terengganu. Apart from that to get information more precisely interview method also done. Through this interview study method, all information that gathered and in analysis to answering question from objective of the study. From certainly study's solution Terengganu songket material pattern in inspiration from element of nature also possess aesthetical value that high and songket material must be raised standard so that in line with international cloth.

MALAYSIA
KELANTAN

KANDUNGAN

**PENGAKUAN
PENGHARGAAN
ABSTRAK
ABSTRACT
ISI KANDUNGAN**

i
iv
vi
vii
viii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang kajian	5
1.3	Penyataan Masalah	14
1.4	Objektif Kajian	14
1.5	Persoalan Kajian	15
1.6	Kepentingan Kajian	15
1.7	Skop kajian	16
1.8	Kaedah kajian	16
1.9	Definisi Konsep	17
1.10	Kesimpulan	20

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	21
2.2	Pandangan Tokoh Tempatan dan Barat	23

2.3	Kesimpulan	39
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	40
3.2	Lokasi	41
3.3	Reka Bentuk kajian	42
3.4	Kaedah kajian	43
3.5	Prosedur kajian	44
3.6	Kesimpulan	46
Nota Hujung		
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	47
4.2	Unsur alam pada reka corak songket	49
4.3	Analisis unsur alam pada reka corak songket	51
4.3.1	Unsur tumbuhan	51
4.3.2	Unsur haiwan	62
4.3.3	Unsur sumber alam	65
4.4	Bahagian-bahagian pada songket	68
4.4.1	kepala kain	69
4.4.2	Badan kain	70
4.4.3	Penganpit kain	71
4.4.4	kaki kain	72
4.5	Faktor pemilihan corak songket	73
4.5.1	Kecantikan dan Keunikan	73
4.5.2	Mudah didapati	75
4.6	Respondan	76
4.7	Kesimpulan	77

BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	78
5.2	Perbincangan	80
5.3	Cadangan	81
5.4	Kesimpulan	84
BIBLIOGRAFI		86

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Tenunan Songket merupakan salah satu tekstil Melayu yang bermutu tinggi dan kreativiti orang Melayu yang diwarisi sejak turun-menurun serta mempunyai kaitan dengan sejarah kebudayaan silam. Pada zaman dahulu kain songket digunakan sebagai bahan pertukaran dan perdagangan yang digambarkan oleh Shellabear (1977) di dalam buku Sejarah Melayu. Selain itu, beliau menceritakan bagaimana Sultan Melayu sering membuat tempahan fabrik dari India mengikut cita rasa. Dalam masa yang sama pedagang Eropah juga membawa kain dari India untuk ditukar dengan rempah(Irwan dan Hall, 1971).

Pada tahun 1225 Masihi, sumber China, Chau Ju-kua mendapati negeri di selatan Langkasuka, iaitu Kelantan dan Terengganu merupakan kawasan yang sering menerima kunjungan pedagang Arab (Sheppard, 1972). Selain itu, turut dibawa masuk inspirasi

seni seperti muzik, tarian, drama, kertas logam, tenun dan ukiran kayu yang diwarisi dari Kemboja dan Pattani. Dipercayai pendatang dari Champa juga membawa seni tradisional Kelantan dan Terengganu setelah tanah airnya jatuh ke tangan Vietnam pada tahun 1471 Masihi (Sheppard, 1972).

Penghasilan tekstil oleh orang Melayu mempunyai kaitan dengan keperluan asas seperti untuk dijadikan pakaian harian. Disamping keperluan asas, tekstil juga direka dan dibuat untuk memenuhi keperluan estetika bagi kepentingan sosial, psikologi dan emosi. Bagi tujuan ini, tukang Melayu yang terdiri daripada wanita desa berjaya menenun tekstil yang indah bagi keperluan asas mereka. Bagi wanita yang mahir, hasil tenunan mereka yang halus dan luar biasa dari segi teknik dan reka motif, dikhatusukan untuk golongan istana. (Azah Aziz, 1990).

Mengikut pemerhatian Winstedt pula, pada abad ke-20, Pattani, Kelantan dan Terengganu merupakan kawasan kraf yang utama (Winstedt 1925). Songket merupakan satu aktiviti kraf tradisional yang diwarisi oleh orang Melayu dari zaman berzaman. Negeri Terengganu merupakan negeri yang masih lagi mengekalkan ciri-ciri tradisionalnya iaitu kain songket yang wujud beratus tahun dahulu. Mengikut Wan Hashim Wan Teh(1996) antara negeri di semenanjung Malaysia, Kelantan dan Terengganu merupakan negeri di Pantai Timur yang masih mengekalkan ciri-ciri adat kebudayaan tradisional yang wujud beratus-ratus tahun. Tambahan beliau, keadaanya yang terpisah daripada pengaruh luar membolehkan kedua-dua negeri ini mempertahankan kebudayaan tradisional, di samping penduduknya, iaitu orang Melayu mempunyai kemahiran semula jadi.

Terengganu merupakan salah satu negeri di pantai timur yang masih kaya dengan seni warisan iaitu Songket. Terengganu juga merupakan negeri yang sudah lama menghasilkan tenunan songket sehingga lagu berkaitan songket dicipta dan telah dinyanyikan oleh penyanyi popular iaitu Saloma. Di dalam lagu tersebut menyatakan bahawa kain songket berasal dari Terengganu. Mengikut cacatan dalam sebuah buku pada 40 tahun dahulu penenun songket di Terengganu telah meningkat hingga 3,000 orang dan ada di antara penenun-petenun tersebut mempunyai kepandaian yang luar biasa dalam mencipta dan mereka reka bentuk corak songket yang halus dan rumit .(Asmad (1990).

Kain songket merupakan lambang bagi masyarakat Melayu serta menjadi satu kebanggaan bagi masyarakat Melayu. Pada masa dahulu kain songket dipakai oleh golongan diraja kerana kain songket merupakan barang mewah yang di hiasi dengan benang emas dan perak dan hanya mampu dimiliki oleh golongan diraja. Kain songket merupakan kain yang berstatus tinggi pada zaman dahulu kerana reka coraknya yang menarik dan pembuatan kain tersebut menggunakan benang emas dan perak serta merumitkan sehingga untuk menyiapkan sepasang kain memakan masa yang lama. Sehingga abad ke-16 kain songket telah menjadi pakaian rasmi, milik istana atau kelengkapan utama dalam upacara adat istiadat dan simbol warisan Melayu yang teragung. Songket juga dijadikan pakaian perkahwinan diraja dan barang hantaran kepada pegantin perempuan.

Kain songket Terengganu berbeza dengan kain songket Kelantan. Ada sesetengah pihak mengatakan bahawa kain songket Terengganu lebih berkualiti dan lebih cantik berbanding kain songket Kelantan. Kecantikan kain songket bergantung kepada ragam

hias atau reka corak yang halus dan rumit dihasilkan pada kain songket tersebut.

Kebanyakkan reka corak pada kain songket adalah berpandukan alam sekitar.

Kain songket biasanya dikaitkan dengan teknik menghasilkan fabrik dengan menggunakan ragam hias emas dan perak. Nama kain songket berasal daripada tekniknya iaitu menyongket atau meyolek bunga(emas) pada tenunan sutera. Kain songket adalah hasil daripada tenunan benang sutera atau kapas yang ditenun bersama-sama dengan benang emas atau perak. Kain songket mempunyai bahagian dan rekabentuk tersendiri iaitu kain songket mengandungi kepala kain, badan kain, pengapit kain dan tepi kain.

Perkara yang paling penting dalam songket ialah rekaan corak pada kain songket. Rekaan yang menarik dan cantik akan menjadikan kain songket tersebut dilihat sebagai barang yang berharga dan berkualiti. Kebanyakkan corak yang digunakan songket Terengganu adalah berunsurkan alam sekitar iaitu tumbuh-tumbuhan seperti bunga, daun dan pucuk-pucuk serta corak berunsurkan motif haiwan juga digunakan dalam songket. Kenapa kebanyakkan motif kain songket adalah berunsurkan alam, hal ini kerana orang zaman dahulu terlalu rapat dengan alam, mereka mencipta sesuatu hanya berpandukan alam sekitar. Ini menunjukkan betapa kreatif dan teliti penenun dalam mereka cipta kain songket yang rumit. Istimewanya kain songket ini ialah reka bentuk corak akan ditentukan oleh penenun itu sendiri agar mudah untuk penenun tersebut menyiapkan kain songket.

1.2 Latar Belakang Kajian

Negeri Terengganu sememangnya terkenal dengan kain songketnya. Songket Terengganu halus buatannya berbanding negeri-negeri lain. Ini mungkin disebabkan tenunan songket di negeri ini lebih lama bertapak dan ini menyebabkan penenunnya berpengalaman dan mahir untuk menghasilkan tenunan songket yang halus dan bermutu tinggi.

Nama kain songket berasal daripada tekniknya iaitu menyongket atau meyolek bunga(emas) pada tenunan sutera. Kain Songket adalah hasil daripada tenunan benang sutera atau kapas yang ditenun bersama-sama dengan benang emas atau perak. Tenunan songket merupakan satu kemahiran orang Melayu yang menarik kerana untuk menghasilkan sehelai kain songket yang cantik dan menarik penenun kain tersebut harus mempunyai kemahiran yang tinggi dan kesabaran kerana sehelai kain songket yang sudah siap memerlukan masa yang lama.

Kain songket mempunyai bahagian tersendiri iaitu :

- (A) Badan kain
- (B) Kepala kain
- (C) Tepi kain
- (D) Pengapit kain

Setiap bahagian yang terdapat pada kain songket mempunyai corak-corak tersendiri yang ditentukan oleh penenun sendiri.

Susunan ragamhias songket

Penenun songket masih lagi mempertahankan bentuk ragamhias tradisional, terutamanya dari segi pembahagian dan penempatan beberapa bentuk motif. Pembahagian yang terdapat pada kain songket terbahagi kepada kepala, kaki dan badan kain. Bentuk motif dan corak disusun mengikut pembahagian ini. Pada bahagian kaki dan kepala kain, corak yang sering digunakan ialah pucuk rebung dan lawi ayam.

Corak Songket boleh dikategorikan dalam beberapa cara. Corak tersebut boleh diklasifikasikan ke dalam enam jenis utama dari pola:

1. Songket bunga Penuh (pola keseluruhan atau penuh)

Reka corak yang disulam dengan benang emas/perak memenuhi seluruh bahagian kain (termasuk bahagian kepala, kaki dan badan). Corak yang digunakan pada songket bunga penuh selalunya disusun supaya kelihatan seperti beberapa rantai berhubung bersama, dan di antara rantai-rantai ini terdapat motif yang utama. Corak teluk berantai merupakan motif utama yang menggabungkan satu rantai dengan rantai yang lain.

Di bahagian rantai terdapat beberapa jenis rantai lain seperti berikut

- a. Rantai bunga bintang
- b. Rantai bunga cengkih
- c. Rantai unduk-unduk laut (kuda laut)
- d. Rantai jagung
- e. Rantai bunga pecah empat

f. Rantai buah cermai

Terdapat juga songket bunga penuh dengan satu jenis motif sahaja yang diulang pada keseluruhan badan kain. Motif yang dipanggil potong wajik, bunga ‘potong putu’ atau ‘bunga ladu’, ‘bunga madu manis’ dan bunga ‘bunga tepung talam’.

2. Songket bunga bertabur (pola melihat atau tersebar)

Songket yang disusun dengan bunga tabur lebih menjimatkan benang emas kerana corak yang dihasilkan tidak banyak. Bentuk corak disulam berjarak antara satu sama lain, keadaan menenun songket bunga bertabur lebih merumitkan berbanding songket bunga penuh. Kadang-kadang terdapat dua atau tiga motif berasingan yang disusun berselang seli. Motif bertabur ini selalunya terdapat pada kawasan badan kain.

Corak bunga bertabur selalunya ditenun dengan menggunakan ‘cuban’, iaitu alat yang diperbuat daripada buluh untuk menculit benang emas. Motif yang sering digunakan pada songket corak bunga bertabur ialah tampuk manggis, tampuk buah kesemak, tampuk kecupu, buah cermai, bunga biji peria, bunga cengkikh, bunga tanjung, bunga pitis, bunga sinar matahari, bunga bintang, bunga bintang beralih, bunga cendawan, bunga melur, bunga pecah empat.

3. Songket corak berjalur (garis)

Kain songket corak berjalur sangat digemari terutama di kalangan orang lelaki.

Kebanyakkan kain sarung dan samping lelaki biasanya bercorak jalur dengan sedikit penggunaan benang emas. Songket corak jalur yang biasanya digunakan oleh kaum wanita ialah corak jalurnya lebih halus dan penggunaan benang emas lebih banyak daripada corak jalur pada kain songket kaum lelaki.

Didalam corak berjalur terdapat banyak jenis motif termasuk motif bunga bertabur. motif bunga bertabur biasanya akan disusun dalam barisan untuk dijadikan corak jalur berdiri. Corak yang sering digunakan dalam motif bunga bertabur ialah bunga tampuk manggis atau bunga bintang

I. Tepi kain (pola sempadan)

Kain songket ini mempunyai corak yang melintang mengikut sepanjang tepi kain dan sebagai sempadan memisahkan antara dua bahagian kain sarung atau selendang.

II. Songket corak berdiri (garis menegak)

Kain songket ini mempunyai corak jalur yang tegak bersudut tepat dengan tepi kain.

III. Songket corak Melintang (garis melintang)

Kain songket ini mempunyai corak jalur yang melintang selari dengan tepi kain.

4. Songket corak Siku keluang

Songket ini diambil dari perkataan siku keluang itu sendiri yang berbentuk ‘v’ yang dihubungkan dan diulang untuk membentuk corak zig-zag. Corak ini biasanya terdapat pada bahagian kain sarung sebagai songket corak penuh dan kadang kala terdapat di bahagian kepala kain. Corak yang sering digunakan pada songket ini ialah corak berbentuk pucuk rebung siku keluang, corak ini digunakan pada kepala kain.

5. Songket corak tapak catur (cek)

Corak tapak catur ini diilhamkan dari tapak catur dan di aplikasikan kepada corak pada kain songket. Dengan kata lain, corak tapak catur ini dimaksudkan corak yang berpetak-petak sama ada dalam bentuk tenunan biasa atau tenunan songket.

Terdapat beberapa jenis tapak catur seperti :

- I. Corak ragi
- II. Petak catur
- III. Corak bugis

6. Songket corak pucuk rebung

Pucuk rebung ialah corak yang berbentuk tiga segi yang menyerupai pucuk rebung. Corak pucuk rebung merupakan corak yang amat digemari oleh penenun-pnenun songket dan merupakan corak yang paling unggul serta hebat. Berbagai-bagai interpretasi tentang corak ini telah dikaitkan sebagai mempunyai hubungan dengan simbol kesuburan yang dimiliki kekuatan dalaman. kebiasanya corak pucuk rebung ini dihiasi di bahagian kepala kain dan menjadi daya tarikan utama berbanding dengan corak-corak yang lain.

Corak pucuk rebung mempunyai pelbagai jenis corak tetapi antara yang selalu dijumpai pada kain songket adalah pucuk rebung lawi ayam, pucuk rebung berjuang, pucuk rebung siku keluang, pucuk rebung gigi bota dan pucuk rebung tunjuk langit.

Selain itu penenun kain perlu mempunyai sifat kreatif atau idea yang kreatif agar corak yang dihasilkan pada kain songket kelihatan menarik dan cantik. Kain songket mempunyai pelbagai corak yang menarik tetapi ada sesetengah pihak yang tidak mengenali corak-corak tersebut. Mereka hanya melihat corak pada kain songket tersebut cantik tanpa mengenali jenis-jenis corak yang digunakan. Membuat dan mencipta corak pada songket bukan sesuatu yang mudah kerana penenun kain harus mempunyai sifat-sifat penyabar, baik dari segi penglihatan mahupun ingatan.

Corak yang terdapat pada kain songket memaparkan ciri-ciri unit identiti orang Melayu. Ia mencerminkan cita rasa budaya Melayu yang hidup di alam persekitaran yang kaya dengan keindahan. Penenun memperolehi ilham dari tumbuhan, binatang dan alam sekitar mereka.

Kain songket jika dilihat dari segi corak yang digunakan hampir keseluruhan corak yang digunakan pada kain tersebut berunsurkan alam. Hal ini kerana penenun kain songket hanya melihat alam sekitar sebagai sumber ilham untuk menghasilkan corak. Sejak dahulu lagi corak yang digunakan pada kain songket diperolehi daripada unsur alam kerana orang dahulu rapat dengan alam disebabakan itulah ada sesetengah motif yang digunakan pada songket mempunyai makna tersirat disebaliknya. Motif tersebut bukan sahaja digunakan sebagai hiasan malah motif tersebut mempunyai makna dan ada pengajaran yang ingin disampaikan.

Penenun songket tradisional sangat dekat dengan alam, mereka melihat sesuatu yang ada di persekitaran dan menangkap serta meniru reka corak alam dan memasukkan rekaan tersebut sebagai corak dalam karya kreatif mereka. Akibatnya, sebahagian besar corak dalam songket direka dan dinamakan flora dan fauna persekitaran mereka. Contoh motif bunga adalah bunga tanjung, bunga kemunting Cina, dan cengklik bunga, dan buah Manggis , buah kesemak, buah-buahan iaitu delima dan buah Cermai. Corak pucuk rebung yang merupakan tunas, buluh muda berbentuk segitiga merupakan corak kegemaran penenun songket, corak ini sering digunakan pada kain songket

Selain itu, corak binatang juga digunakan sebagai hiasan pada kain songket. Antara corak binatang termasuk unduk - unduk (kuda laut), gigi yu, belalang gigi, kepala lalat , keluang Siku , kaki Lipan, jari Buaya dan jari Gagak. Penenun songket juga memperolehi sumber inspirasi untuk mencipta corak adalah daripada pelbagai jenis kuih Melayu dan manisan. Kadang-kadang bentuk kuih sendiri meminjamkan nama mereka untuk membangkitkan motif yang sesuai. Antara corak yang terhasil daripada kuih ialah wajik, tepung talam, manis madu , potong siri kaya dan potong putu.

Kegiatan di persekitaran desa juga telah memberi beberapa kesan kepada reka corak songket, seperti corak Tiga bunga dara (tiga gadis), ayam lawi (bulu ekor ayam jantan), bunga pitis (duit syiling), tapak catur (kotak dari papan catur), biji peria.

Motif yang berasal kosmos termasuk Bota lidah (lidah iblis), bunga Semangat (bunga inspirasional), Matahari , bintang , pergunungan dan tampuk semesta (inti daripada alam semesta). Motif haiwan sangat bergaya dan diubahsuai kerana Islam menghalang gambaran realistik haiwan dalam seni.

Kebijaksanaan silam membuktikan kepada kita bahawa orang Melayu mempunyai pemikiran kreatif apabila corak yang digunakan pada kain songket diperolehi daripada unsur alam dan ia digambarkan dalam bentuk corak pada kain songket .

1.3 Pernyataan Masalah

Kain Songket pada masa dahulu merupakan satu lambang keindahan pakaian Melayu dan merupakan pakaian rasmi raja-raja Melayu tetapi pada masa sekarang sesiapa saja boleh memiliki kain songket. Kain songket merupakan pakaian utama dan dibanggakan oleh masyarakat Melayu. Namun begitu ramai dikalangan masyarakat sekarang hanya melihat keindahan kain songket tetapi tidak mengetahui corak yang digunakan pada kain songket tersebut dan nilai estetika pada corak yang digunakan pada kain songket. Oleh itu pengkaji akan mengkaji reka corak songket Terengganu, adakah unsur alam menjadi sumber inspirasi penenun songket dalam mencipta reka corak songket.

1.4 Objektif Kajian

Objekti kajian ini adalah untuk :

1. Mengkaji unsur alam yang terdapat pada reka corak songket Terengganu.
2. Mengkaji corak yang digunakan pada bahagian kain songket seperti corak pada badan kain, kepala kain, tepi kain, pengapit kain.
3. Mengetahui faktor pemilihan unsur alam pada reka corak Songket Terengganu dan tersebut.

1.5 Persoalan Kajian

1. Adakah terdapat corak unsur alam pada kain songket Terengganu?
2. Benarkah corak pada kain songket diambil daripada unsur alam semulajadi?
3. Mengapakah hanya unsur alam yang terdapat pada kain songket?
4. Dimanaka penenun songket memperolehi idea baru dalam menghasilkan corak yang cantik pada songket.?

MALAYSIA
KELANTAN

1.6 Kepentingan Kajian

Dalam sesebuah kajian kepentingan kajian merupakan satu perkara yang penting. Pengkaji ingin menjalankan kajian ini kerana ingin mengetahui unsur alam digunakan sebagai corak pada kain songket Terengganu. Kepentingan kajian ini adalah meliputi aspek kepentingan kepada individu, masyarakat, institusi dan juga Negara. Kepentingan kajian ini terhadap individu ialah kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan kepada pelajar-pelajar yang ingin mengetahui dengan lebih mendalam jenis-jenis corak pada kain songket. Selain itu melalui kajian ini individu yang mempunyai kain songket yang selama ini tidak mengetahui corak apa yang digunakan pada kain songket yang hanya melihat kain songket itu cantik kerana coraknya, akan dapat mengetahui corak setelah merujuk pada kajian ini. Kepentingan pada masyarakat pula kajian ini penting sebagai pengajaran kepada masyarakat supaya memelihara alam kerana melalui alam masyarakat memperolehi idea dalam menghasilkan sesuatu barang. Kepentingan kepada insitusi pula ialah dapat menghasilkan kain songket yang cantik dan bermutu tinggi. Corak yang cantik pada kain songket boleh digunakan untuk menghiasi bangunan atau hotel-hotel. Manakala kepentingan pada Negara pula corak pada songket boleh dijadikan sebagai satu aset pelancongan kerana corak yang cantik pada songket menjadi tarikan kepada pelancong asing yang datang ke Terengganu dan sedikit sebanyak akan menambah pendapatan Negara melalui kedatangan pelancong asing ke Malaysia.

1.7 Skop / Batasan Kajian

Batasan kajian ini hanya tertumpu kepada kain songket Terengganu. Kajian ini hanya mengkaji reka corak yang terdapat pada kain songket Terengganu dan mengkaji hanya 20 jenis unsur alam yang terdapat pada corak songket Terengganu.

1.8 Kaedah kajian

Kaedah kajian yang telah digunakan dalam kajian ini ialah sumber-sumber dari perpustakaan iaitu bahan ilmiah seperti buku serta dari internet iaitu jurnal-jurnal dari blog dan menemu bual perusahaan penenun songket.

1.9 Definisi Konsep

Terdapat beberapa perkataan dalam tajuk yang dikaji perlu diberikan definisinya iaitu unsur alam, corak dan songket.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), alam didefinisikan sebagai segala yang ada di langit dan bumi. Menurut Haziyah Hussin (2006) menyatakan alam semula jadi terutama tumbuh-tumbuhan merupakan perkataan yang tidak asing bagi masyarakat Melayu. Keadaan persekitaran hutan tropika menjadikan tumbuh-tumbuhan begitu penting sekali dalam kehidupan orang Melayu memandangkan tumbuh-tumbuhan memberikan banyak kegunaan dalam kehidupan sehari-hari. Berdasarkan fungsi gunaan dalam kehidupan ini, sumber inspirasi mula difahami dan dihayati oleh seniman dan

pereka serta tukang Melayu sehingga lahir motif tekstil yang diilhamkan daripada alam semulajadi.

Kefahaman tentang alam, memberikan peluang kepada orang Melayu untuk memindahkan keindahan alam sekitar kepada hasil kreativiti kesenian. Kesenian yang dihasilkan oleh mereka juga melibatkan jiwa, perasaan nilai-nilai social, pandangan umum dan pemikiran yang terbina dalam masyarakat. Berkait dengan pekara ini, hasil seni yang dilahirkan mempunyai perkaitan dengan apa yang terdapat pada jiwa seseorang seniman (Syed Ahmad Jamal, 1979).

Othman Mohd. Yatim (1995) turut menjelaskan bahawa hubungan manusia dengan alam semesta adalah melalui pemerhatian terhadap sumber kosmo seperti matahari, bulan dan bintang yang membantu untuk memberikan sumber idea.

Rahman Bujang dan Wan Kadir, (1996) menyatakan kehidupan manusia yang mempunyai hubungan yang harmoni dengan alam semulajadi mendorong manusia menghayatinya dan melahirkannya ke dalam bentuk penghasilan kraf dan seni seperti tekstil.

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), corak didefinisikan ialah ragi atau bunga-bunga pada kain (barang anyaman dan tenunan). Corak sama maksudnya dengan perkataan *pattern* dalam inggeris, merupakan perkataan yang mempunyai kaitan dengan motif sekiranya satu motif tertentu diulang (Justema, 1982).

Corak yang berfungsi sebagai hiasan pada fabrik melibatkan unsur reka bentuk seperti garisan, ruang dan bentuk, yang dihasilkan menggunakan warna sebagai manipulasi bagi mencapai kesan dikehendaki. Dalam konteks ini, corak yang dihasilkan dengan cara mengatur garisan, ruang dan bentuk sehingga terjadinya kongfigurasi motif

pada fabrik akan memberi kesan fizikal dan juga psikologi kepada pemakaian (Davis, 1967).

Menurut Wingate (1979), corak diertikan sebagai reka bentuk hiasan yang berfungsi menghias kain, selain kaedah tenun.

Justema (1982) pula menjelaskan perkataan reka bentuk, motif dan corak merupakan istilah yang kerap digunakan bersama-sama dan mempunyai kaitan yang rapat sekali dan kadang-kadang mungkin meragukan. Bagi Justema, reka bentuk dan corak merupakan dua perkataan yang berbeza bagi menjelaskan maksud perhiasan.

Songket pula merupakan kaedah dan proses menenun fabrik. Fabrik atau kain ini berbeza daripada tenunan biasa kerana benang emas dan digunakan sebagai ragam hias motif.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.10 Kesimpulan

Kesimpulannya kain Songket merupakan satu lambang kebanggaan bagi masyarakat Melayu kerana pada masa dahulu kain songket hanya dipakai oleh raja-raja dan golongan bangsawan. Namun sekarang setiap lapisan masyarakat boleh memakainya. Kain songket terkenal dengan harganya yang mahal dan dipakai pada masa tertentu sahaja seperti majlis rasmi. Kualiti dan harga kain songket bergantung kepada corak yang dihasilkan pada kain songket tersebut jika corak pada songket tersebut cantik maka kualiti dan harga kain tersebut menjadi mahal.

Kebanyakan corak yang digunakan pada reka corak songket Terengganu dapat dilihat terdapat unsur alam yang menjadi sumber ilham untuk menghasilkan corak yang cantik dan menarik. Penenun songket memperolehi ilham corak hasil daripada pemerhatian terhadap alam persekitaran mereka dan diadaptasikan corak tersebut pada kain songket. Corak-corak yang menjadi hiasan pada kain songket memaparkan ciri-ciri identiti orang Melayu yang cintakan alam persekitaran. Hal ini menunjukkan kebijksanaan silam orang Melayu yang mempunyai pemikiran yang kreatif apabila corak yang digunakan sebagai hiasan pada kain songket diperolehi daripada alam sekitar. Oleh itu pentingnya kita menjaga alam persekitaran daripada musnah akibat pembangunan kerana alam sekitar memberikan manfaat yang besar kepada manusia bukan sahaja untuk kehidupan malah alam persekitaran juga dapat memberikan kita ilham untuk mencipta sesuatu.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Terdapat banyak kajian yang dijalankan oleh percinta seni warisan yang mengkaji tentang keistimewaan kain songket. Pengkaji-pengkaji ini menerangkan keindahan kain songket yang merupakan tekstil Melayu yang bermutu tinggi dan kreativiti orang Melayu yang diwarisi sejak turun-menurun. Kain songket ialah lambang bagi masyarakat Melayu serta menjadi satu kebanggaan bagi masyarakat Melayu.

Keindahan kain songket bergantung kepada kepandaian penenun-pnenun songket mencipta reka corak dan diadaptasi pada kain songket sebagai hiasan pada kain songket tersebut. Orang Melayu dahulunya mencipta reka corak pada kain songket berpandukan alam sekitar. Alam sekitar merupakan sumber pendorong orang Melayu di Malaysia.

Penenun-pnenun akan memindahkan inspirasi alam semulajadi kepada motif tekstil, seperti pada kain songket. Tumbuh-tumbuhan merupakan sumber yang penting berbanding sumber yang lain seperti binatang dan kosmologi.

Penenun tradisional kebiasaannya tinggal di kampung-kampung, mereka mengambil peluang ini dengan mencipta reka corak pada kain songket hanya berpandukan kepada alam. Disebabkan itulah, hampir keseluruhan corak kain songket telah direka bentuk dan dinamakan semperna flora dan fauna.

Penenun-pnenun songket Melayu menggunakan kreativiti mereka untuk menghasilkan satu bidang kain yang cantik dan bermutu tinggi. Reka corak yang dihasilkan lahir daripada sifat kreatif mereka. Oleh itu setiap kain songket berbeza motif dan susunan coraknya kerana kain songket bersifat eksklusif dimana setiap kain dihasilkan hanya untuk sebidang kain.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

2.2 Pandangan Tokoh dari Tempatan dan Barat

Ciri tekstil tradisional juga digambarkan dalam maklumat buku Reka Corak Tekstil Dulu dan kini yang dipamerkan oleh Balai Seni Lukis Negara (1993). Mengikut maklumat dalam buku itu, songket lebih dikategorikan sebagai kraf tradisional kerana teknik pembuatannya. Selain itu, rekaan motif pada tekstil juga boleh menentukan sesuatu tekstil itu tradisional. Dalam konteks ini. Tekstil moden berbeza daripada tekstil tradisional yang lebih terikat dengan reka bentuk warna motif yang hanya didapati daripada alam semula jadi.

Abdullah Mohamed (1990), Warisan Kelantan IX, menyatakan bahawa ciri-ciri tradisional biasanya dapat mengekalkan motif secara arabesque daripada inspirasi tumbuh-tumbuhan.

Menurut Syed Zulfida (1991), di dalam kertas kerja yang bertajuk Konsep Estetika Melayu menyatakan, konsep estetika Melayu mempunyai kaitan dengan makna tertentu dalam kesenian seni Melayu itu sendiri. Tambah beliau keindahan yang digambarkan oleh orang Melayu ialah apa yang dialami melalui pengalaman dan pemerhatian terhadap alam sekeliling seperti buah, ranting, akar, hutan, pokok, bunga, haiwan, kampung, daun, dahan, alam dan istana. Beliau telah mengulas kesenian Melayu berdasarkan ungkapan pantun berikut :

Buah langsat kuning mencerlah,

Senduduk tidak berbunga lagi,

Sudah dapat gading bertuah,

Tanduk tidak berguna lagi.

Pantun diatas menjelaskan kepentingan motif tumbuh-tumbuhan dalam adat Melayu seperti berikut. Buah langsat merupakan sumber warna (kuning langsat) dan buah langsat yang berbentuk bergugus juga melambangkan Gugusan keperluan Melayu Nusantara. Gugusan langsat dikaitkan dengan keharmonian dari segi susunan, sikap gotong-royong atau perpaduan. Kuning pula melambangkan kuning pada kulit yang menjadi idaman dalam tradisi Melayu. Disamping itu, kuning ialah warna yang gemilang yang mempunyai kaitan dengan lambang kebesaran dan upacara adat. Bunga senduduk ialah tumbuhan hutan yang masih terpelihara menghasilkan sumber warna yang menarik. Bunga pula merupakan simbol keindahan dari segi bentuk, warna dan simbol kewanitaan. Ia menjadi hiasan bagi tekstil, ukiran seperti Keris, rumah, dan peralatan perahu. Gading, sesuatu yang sangat berharga dan sangat sukar untuk mendapatkannya. Warna gading ialah warna yang cerah dan sangat sesuai untuk dibuat ukiran bagi alatan yang berharga. Tanduk pula, berwarna hitam dan kelabu yang didapati daripada lembu dan kerbau yang nilainya kurang berbanding dengan gading. Dalam pekara ini dapat dirumuskan bahawa seni estetika Melayu adalah berdasarkan makna kecantikan dan keindahan mengikut cita rasa dan pengalaman yang didapati daripada alam persekitaran sehingga melahirkan keindahan dan estetika mengikut budayanya yang tersendiri.

Menurut Ku Zam Zam (1984 dan 1989), didalam buku “ Nilai Keindahan dalam seni kraftangan Melayu (hlm 40-43)” dan “ Budaya Metarial dan Teknologi : Pertukangan Melayu” alam sekitar merupakan sesuatu yang menjadi sumber penting dalam penghasilan motif dan corak orang Melayu. Kebanyakan corak yang dihasilkan oleh

orang Melayu biasanya ada hubungan harmoni antara kehidupan mereka dengan alam sekeliling. Berkait dengan seni hiasan ini, penghasilan kraf tukang Melayu adalah bertitik tolak daripada rasa kesedaran terhadap keperluan gunaan dan estetika atau keindahan. Tambahan beliau sebelum seni istana berkembang, terdapat golongan luar istana iaitu seniman daripada kalangan rakyat biasanya dibawa ke istana untuk mengubah seni kraf tangan yang lebih bermakna dari sudut estetika bagi keperluan istana dan juga bangsawan. Dalam hal ini imaginasi dan daya kreativiti yang menghasilkan reka bentuk serta kemahiran merupakan perkara yang diberi dorongan dan keutamaan sehingga terhasilnya motif dan corak tekstil yang unik dan luar biasa yang dilahirkan oleh tukang yang terdiri daripada gadis dan wanita desa.

Penjelasan tentang Ukiran Wan Su dalam Anugerah Seni Negara oleh Kementerian Kebudayaan, Keseniaan dan Perlancongan (1997) menjelaskan bagaimana masyarakat Melayu tradisional yang masih terikat kepada kepercayaan bahawa tumbuh-tumbuhan merupakan ubat dan penawar racun. Tumbuh-tumbuhan tersebut selain mustajab bagi mengubati penyakit serta mempunyai buah yang lazat dan harum turut menjadi inspirasi kepada orang Melayu.

Siti Zainon (1986) di dalam buku Rekaan Kraftangan Melayu menjelaskan bahawa ciri tradisional ialah bagaimana kraftangan, khususnya tekstil masih mempertahankan bentuk susunan ragam hias tradisional, terutama pada bahagian kepala kain, motif yang dipentingkan ialah pucuk rebung jenis lawi ayam.

Kadang-kadang sumber idea reka motif atau corak yang dibuat pada tempat yang berbeza masih mempunyai persamaan dari segi corak disebakan banyak sumber idea, khususnya budaya primitif didapati daripada alam semulajadi. Dalam pekara ini, inspirasi

merupakan cara melahirkan idea yang mempunyai kaitan dengan seni pertukangan tangan (Christie, 1969).

Davis (1969), menjelaskan motif boleh dianalisis dan diklasifikasikan empat kategori utama, iaitu alam semula jadi, buatan manusia, tiruan dan pelambangan. Setiap motif atau corak biasanya mempunyai sumber asal yang ditiru.

Jenis corak daripada alam semula jadi ialah daun, paku pakis, tumbuh-tumbuhan menjalar, haiwan, ikan, burung, ombak, batu, salji, kulit kering, ira kayu dan marmar. Dalam pemilihan ini, biasanya motif yang dilakar atau dibuat mempunyai hubungan psikologi seperti nampak neutral ataupun mesra disamping bentuk, gubahan, atau susunannya yang menarik (Davis,1969).

Menurut Muhamamad Afandi (1995) di dalam buku simbolisme dalam Seni Bina Rumah Melayu Kelantan, menyatakan bidang kesenian terbentuk daripada tamadun masyarakat, berdasarkan pengalaman hidup yang dilalui. Simbol yang didapati ialah hasil daripada pengaruh sejarah dan kehidupan seharian, kepercayaan, agama dan alam sekitar

Sheppard (1972) menyatakan pengalaman pada zaman prasrejrah dan tamadun yang lama memberikan pengalaman dalam ilmu pengetahuan dan kepandaian kepada masyarakat Melayu. Pengetahuan dan pengalaman dalam penghasilan seni juga dipengaruhi oleh adat istiadat lampau yang menjadi pengangan kebanyakkhan orang Melayu. Perlakuan yang dilahirkan dalam seni pula bersadarkan simbol alam kehidupan seperti tumbuh-tumbuhan, binatang, kosmo, dan cakerawala yang meliputi bulan, matahari, awan, gunung-ganang, bukit-bukau yang berkait dengan kepercayaan mereka.yang tidak bercanggah dengan nilai islam selepas orang Melayu menerima islam.

Nasr (1978) menjelaskan dan menghuraikan perkataan kosmologi sebagai teori atau sistem kepercayaan yang berkaitan dengan kewujudan alam semesta dan kerahsiaannya. Kosmologi atau dalam bahasa inggeris cosmology ialah gabungan dua perkataan iaitu *cosmos* bererti alam semesta atau keadaan dunia yang teratur, manakala *logos* pula bermaksud perkara yang berkait dengan asas atau rasional.

Seni merupakan apa yang tersirat dalam jiwa individu tertentu. Bagi memahami segala yang tersirat dalam seni itu, kefahaman dan pengetahuan tentang budaya amatlah penting bagi seseorang memahami secara mendalam tentang tradisi budaya. Hasil hubungan orang Melayu dengan alam sekitar telah diterapkan dalam penghasilan seni rupa termasuk kegiatan mengukir, mengayam, menyulam, menekat, memahat, mengetuk, menenun, menulis, dan melukis yang berdasarkan ilham daripada sumber alam sekitar. Pemilihan motif oleh seniman selalunya berdasarkan tumbuh-tumbuhan seperti bunga, daun, dan pokok yang menarik perhatiannya dan menerapkan imej tersebut melalui kreativitinya terhadap bahan seni sehingga terhasil motif bunga ketumbit dan tampuk manggis (Rahman dan Wan kadir, 1996, kertas kerja bertajuk Seni Budaya dan Masyarakat).

Berkait dengan simbol yang diambil daripada sumber kosmologi, Maxwell (1994) percaya bahawa pengaruh kosmologi India mempunyai kaitan dengan gunung Mahameru yang merupakan tempat penyembahan penganut Hindu yang tertumpu di bahagian tengah dunia. Simbol ini menjadi imej pada stupa yang kemudian dihasilkan pada rekaan tekstil sebagai permadangan hutan, semen atau corak alas-alasan, simbol landskap ini meliputi kolam, pokok, burung serta haiwan.

Mohd Kasim (1990) dalam bukunya Barang kemas Melayu Tradisi menjelaskan bahawa alam semulajadi merupakan sumber ilham bagi tukang emas di semenanjung Malaysia:

“Reka corak yang diilhamkan oleh tukang-tukang emas di Pantai Timur memperlihatkan keindahan alam semulajadi yang begitu gemilang serta sempurna pembuatannya”. (Hlm.124).

“Reka corak yang digunakan diilhamkan daripada bunga-bunga serta tumbuh-tumbuhan alam semula jadi yang berada di sekeliling mereka”.(Hlm.102)

Tumbuh-tumbuhan semenanjung Tanah Melayu memberi erti yang penting dalam kebudayaan Melayu. Ia tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan sehari-hari sehingga diabadikan sebagai sumber inspirasi dalam motif teknik Semenanjung Malaysia. Namun begitu, masih ada juga reka motif Semenanjung Malaysia yang mendapat sumber inspirasi dari luar, misalnya pada suatu ketika dahulu sulur anggur penting dalam rekaan motif Melayu (Syed Ahmad Jamal, 1992).

Reka bentuk motif teknik semenanjung Tanah Melayu yang diilhamkan daripada tumbuh-tumbuhan selalunya mempunyai kesesuaian dengan seni rupa Islam. Dalam hal ini, motif tumbuh-tumbuhan yang terdapat pada teknik Semenanjung Malaysia biasanya diubah dan diabstrakkan bagi menghasilkan rupa bentuk yang tidak menyerupai haiwan yang bernyawa. Penjelasan Mohd Kassim (1990), tentang perkara berkaitan dengan reka motif alam Melayu adalah seperti yang berikut :

“Agama islam melarang umatnya menerap ukiran bernyawa seperti haiwan dalam sebarang reka corak.” (Hlm 132).

Adaptasi motif bernyawa yang diwarisi daripada pengaruh Hindu yang digunakan dalam reka motif diubah dan diabstrakkan supaya tidak menyerupai haiwan. Hal ini menunjukkan adanya penerapan nilai Islam dalam tekstil Semenanjung Malaysia oleh seniman dan pereka motif semenanjung Malaysia. Dalam hal ini, pereka Semenanjung Malaysia masih menggunakan unsur haiwan menarik dan jinak seperti burung dan ayam dalam rekaan motif tekstil dengan cara membuat adaptasi supaya tidak menyerupai bentuk asal atas kesedaran ia tidak bercanggah dengan nilai islam. Berpandukan petikan buku Halal dan Haram dalam Islam oleh Syeikh Muhammad Yusof (1978) Konsep Estetika Melau, jelas menunjukkan motif tekstil Semenanjung Tanah Melayu tidak bercanggah dengan Islam:

“Selain gambar di atas, iaitu misalnya dia menggambarkan/lukisan makhluk tidak bernyawa seperti tumbuh-tumbuhan, pohon-pohonan, laut, gunung, matahari, bulan, bintang dan sebagainya. Maka hal ini sedikit pun tidak berdosa dan tidak ada pertentangan sama sekali di kalangan para ulama”. (Hlm. 163).

Masyarakat Melayu, khususnya di Pantai Timur, Malaysia merupakan masyarakat yang hidup di kawasan perkampungan yang dikelilingi oleh tumbuh-tumbuhan dan berhampiran dengan sungai atau laut. Keadaan kehidupan yang demikian menjadikan masyarakat lebih peka dan mempunyai daya imaginasi dan kreativiti yang tinggi seperti yang dinyatakan dalam buku Wan Hashim Wan Teh (1996), Malay Handicraft Industries-Origins and Development.

Menyedari kepentigan motif alam semulajadi sebagai sumber inspirasi motif dan corak sebagai ragam hias pada tekstil, penghasilannya menjadi perkara yang begitu

penting dalam tekstil Semenanjung Malaysia. Hasil pemerhatian daripada sumber alam semulajadi menghasilkan motif daripada tumbuh-tumbuhan, buah-buahan dan juga haiwan seperti burung dan ayam (dalam bentuk abstrak) dalam kebanyakkan kain songket di Semenanjung Malaysia (Norwani, 1989).

Menurut Selvanayagam (1989) didalam buku Songket Malaysia's: Woven Treasure, keadaan alam semula jadi yang terdapat di sekitar tempat kediaman penenun di Pantai Timur, Semenanjung Malaysia banyak memberikan sumbangan terutama dari segi sumber inspirasi yang unik hasil daripada pemerhatian mereka.

Zainol Abidin B Ahmad Shariff (1999:8) didalam buku Songket Satu Warisan Malaysia, menyatakan bahawa keindahan Songket tidak semata-mata bergantung kepada hiasan benang emas yang dimilikinya. Gabungan kreativiti corak yang dihasilkan serta nilai emas dimata masyarakat menaikkan nilainya. Para pengemar Songket misalnya dapat merasakan kelainan Songket silam dengan yang baru apabila mereka memerhatikan keadah tenunannya dan corak-corak yang dihasilkan. Songket-songket awal khususnya yang dimiliki oleh Muzium Seni Asia mempunyai corak yang ditenun secara teliti. Bunga-bunga yang dihasilkan disusun secara teratur dan halus. Mereka menghasilkan hanya corak-corak berbunga kecil atau bunga penuh sahaja. Mereka akan menghindari daripada menggunakan corak bunga besar. Tenunannya juga dibuat secara cermat sehingga pemakai masih berasa selesai walaupun mereka memakai Songket teluk berantai.

Menurut Zainol Abidin B Ahmad Shariff (1999: 14) didalam buku Songket Satu Warisan, sehelai Songket adalah gambaran makna kehidupan masyarakat Melayu itu sendiri. Kain diandaikan seperti jasad manusia yang melengkap makna kehidupan si

pemakainya. Kerana itu bahagian kain ada disebut kepala, badan, kapit kepala dan kaki kain. Setiap bahagian itu disempurnakan dengan sulaman motif, misalnya motif pucuk rebung dan lawi ayam ditempatkan dikepala kain, kapit kepala kain dijalurkan bagi memisahkan kepala dengan badan kain. Didalamnya berjalin motif keluk “s”, salur bayung, atau “susun tangga”. Badan kain pula khusus untuk pasangan raja (kini pengatin) disusun sarat benang emas dengan motif bunga seperti “pecah lapan, bintang, tampuk manggis, kesemek, diikat dalam teluk berantai.

Siti Zainon Ismail (1949:78), Tekstil Tenunan Melayu, menyatakan Tenunan sutera mempunyai corak yang mudah seperti Corak muar (susun melintang dan berdiri) Corak Bugis (susunan persegi kecil), Corak Melintang, Tapak catur, kain Limar, kain Pelangi, Corak Parang Rosak, hingga ke tenunan songket dengan Corak Bintang Bertabur, Jong Sarat, dan Teluk Beratai. Rekabentuk kain Songket mengandungi badan, kepala, Pucuk Rebung atau Bunga Lawi Ayam (dalam bentuk Pucuk Rebung), diapit di antara Tepi Ibu Kepala, dan Tepi Kain.

Diantara corak-corak songket ialah:

Tumbuhan

Pucuk Rebung

Bunga Lawi Ayam

Bunga Baling

Tapak Kecupu

Bunga Tanjung

Bunga Cermai

Abstark

Kasap

Pecah Lapan

Tapak Kacip

Potong Wajik

Bunga Tiga Dara

Bunga Logam

Bunga Setelop	Bunga Kerongsang
Tampuk Kesemek	Jong sarat
Tampuk Manggis	
Buah Delima	
Alam sekitar	Haiwan
Bintang Buta	Bunga Lawi Ayam
Air Molek	Unduk-unduk
Awan Larat	Bunga Hati
Teluk Berantai	Sisik Kelah
Warna	
Merah Asam Jawa	Ungu Manis
Merah Darah Ikan	Ungu Biji Rambai
Merah Jambu	Kelabu Asap
Kuning Pinang Masak	Hitam
Kuning Lemak Ketam	Putih
Kuning Tanah Liat	Hijau Lumut
Kuning Kunyit	Hijau Terusi
Hijau Pucuk Pisang	Biru Air Laut
Hijau serindit	Biru Manis
Hijau Batang Bemban	

Asmad (1990:38), Seni Pertukangan Seni Bina dan Seni Khat, menyatakan sehelai kain songket yang lebat corak emasnya boleh disiapkan secepat-cepatnya dalam masa dua belas hari. Bagi penenun-pnenun yang belum cukup berpengalaman akan mengambil masa sebulan atau lebih bagi menyiapkan sehelai kain songket yang sama. Untuk menyiapkan sesuatu tenunan bergantung jenis corak kain yang ditenun. Ada beberapa jenis corak kain songket yang ditenun orang. Corak yang amat terkenal ialah corak yang dinamakan corak 'lawi ayam'. Bentuk pucuk rebung ialah: di bahagian tepi pucuk yang berbentuk tiga segi itu mengandungi pusaran berkelok ke atas. Bentuk 'lawi ayam' ialah dibahagian tepinya bertakik dan pusaranya menghala ke bawah dan membelakangkan tengah-tengahnya. Ada satu lagi jenis corak 'pucuk rebung' yang dinamakan 'pucuk rebung berbunga didalam'. Sejenis lagi corak 'lawi ayam dan 'lawi itik'.

Kain songket bermutu yang penah dibuat orang lain pada masa dahulu ada yang menggunakan corak yang dinamakan 'teluk berantai'. Corak ini berupa empat persegi menyerong yang bersambung-sambung daripada benang dia atas tanah kain berwarna, dan tengahnya dihias pula dengan bunga berbagai-bagai rupa. Selain itu ada pula corak kain songket yang dinamakan 'sarang lebih'. Ia merupakan suatu susunan sembilan bentuk persegi bucu daripada benang emas yang diatur menyerong dan berlapis tiga. Kadangkala menggantikan bunga. Sejenis lagi corak kain songket ialah bercorak halus dan rumit membuatnya bernama ' jong sarat.

KELANTAN

Menurut Siti Zainon Ismail (1986:213,216-218), di dalam buku Rekebentuk Kraftangan Melayu Tradisi , menyatakan bentuk motif songket terdiri dari unsur dan bahagian alam. Disebabakan oleh cara menenun itu sendiri maka semua bentuk motif dilahirkan dalam gaya geometri. Semua unsur dan bahagian alam dicipta disusun mengikut pola-pola susunan bunga telah diperkatakan sebelum ini. Unsur alam yang penting ialah tumbuhan dan bintang.

Disamping itu bahagian alam lain yang dimaksudkan ialah bentuk-bentuk yang digunakan sehari-hari dan ia merupakan ciptaan tukang-tukang Melayu sendiri yang disebut alam benda. Begitu juga dengan bentuk-bentuk dari motif geometri asli juga digunakan. Motif tumbuhan yang dimaksudkan sebagai motif penting songket meliputi bentuk-bentuk bunga, daun atau pucuk dan bahagian buah yang disebut sebagai tampuk.

Siti Zainon telah menyenaraikan corak-corak yang digunakan pada kain songket di Terengganu dan songket Kelantan. Rajah dibawah ini menunjukkan corak-corak yang sering digunakan oleh kedua-dua buah negeri di Pantai Timur.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Nama Motif	Hasil Tenun Songket		
	Kelantan	Terengganu	Tempat lain
• Bunga Baling/ Baling Putar	Ada	Ada	Ada
• BungaBintang/Pecah Lapan	Ada	Ada	Ada
• Bunga / buah/Tampuk Berembang	Ada	Ada	—
• Bunga Bogan	Ada	Ada	—
• Bunga Cempaka	Ada	Ada	—
• Bunga Cengkih	Ada	Ada	Ada
• Bunga Cina	Ada	Ada	Ada
• Bunga Gorek	—	Ada	—
• Bunga Inai	Ada	Ada	—
• Bunga Kunyit	Ada	—	—
• Bunga Kertas	—	Ada	Ada
• Bunga Lawang	Ada	Ada	Ada
• Bunga Tampuk Manggis	Ada	Ada	Ada
• Bunga Pecah Rotan	Ada	Ada	Ada
	Ada	Ada	Ada

• Bunga Tanjung			
• Bunga Tikam Teladang	—	Ada	—
• Bunga Telepuk	Ada	Ada	Ada
• Pucuk Rebung	Ada	Ada	Ada
• Buah Anggur	Ada	Ada	Ada
• Buah Nona	—	Ada	—
• Buah Zaitun	Ada	Ada	—
• Bunga Daun	Ada	Ada	Ada
• Bunga Kekwa	Ada	Ada	Ada
• Bunga Kain Songket	—	Ada	Ada
• Bunga Matahari	Ada	Ada	Ada
• Bunga Oked	Ada	Ada	—
• Bunga Padi	Ada	Ada	—
• Bunga Pisang	—	Ada	—
• Bunga jari Buaya	—	Ada	—
• Bunga Raya	Ada	Ada	Ada
• Daun Keladi	Ada	Ada	—
• Kembang Gula	—	Ada	—
• Setangkai Bunga	—	Ada	—
• Ayam	Ada	Ada	Ada
• Ayam Belanda	Ada	Ada	Ada
• Dada/ kaki Lipan	Ada	Ada	Ada

• Gigi Belalang	Ada	Ada	Ada
• Kupu-kupu	Ada	Ada	Ada
• Kuda Laut	Ada	Ada	Ada
• Lawi Ayam	Ada	Ada	—
• Merak	Ada	Ada	—
• Siku keluang	Ada	—	Ada
• Siput	Ada	Ada	—
• Gunung Awan Larat	—	Ada	—
• Keris	Ada	Ada	—
• Mahkota	—	Ada	—
• Pasu	Ada	Ada	Ada
• Tudung saji	Ada	Ada	Ada
• Tumbuk Jerum	Ada	Ada	Ada
• ‘S’	Ada	Ada	—
• Keluk	Ada	Ada	Ada
• Keluk Belanda			

MALAYSIA
KELANTAN

2.3 Kesimpulan

Terdapat pelbagai pendapat dan pandangan yang diberikan oleh sarjana barat dan Timur dan tempatan yang mengkaji tentang unsur alam yang digunakan pada corak songket. Usaha kita untuk mengenali corak yang digunakan pada kain songket penting kerana ia merupakan satu khazanah warisan yang perlu diketahui oleh sesiapa sahaja tidak seseorang itu pernah atau tidak memakai kain songket. Kecantikan kain songket akan terserlah apabila corak yang digunakan pada kain songket disungkit dengan halus dan kemas. Kebanyakkan corak yang digunakan pada kain songket menurut pengkaji-pengkaji songket ialah corak yang bermotifkan alam semulajadi.

Corak-corak ini terhasil kerana masyarakat Melayu dahulu terlalu rapat dengan alam sehingga mereka mencipta corak untuk menghiasi kain songket berpandukan alam semulajadi. Hal ini menunjukkan kepada kita bahawa pentingnya alam semulajadi ciptaan tuhan kepada manusia. Alam semulajadi bukan sahaja berguna kepada manusia untuk kehidupan seharian malah melalui alam semulajadi ini seseorang yang kreatif dapat mencipta sesuatu yang menarik.

MALAYSIA
KELANTAN

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif untuk menjalakan kajian ini kerana kajian kualitatif ini ia penting untuk memberi jawapan kepada segala persoalan. Kaedah ini merupakan cara atau jalan menyelesaikan permasalahan penyelidikan. Kaedah penyelidikan merupakan segala langkah yang diambil untuk mencapai segala objektif penyelidikan (Ahmad Mahdzan Ayob 1995:44).

Kajian kualitatif adalah kajian yang menggunakan maklumat / data yang bersifat kualitatif. Data kualitatif diperolehi dengan cara pemerhatian, temubual, analisis dokumen atau apa-apa cara untuk mendapatkan data yang lengkap.

Kajian kualitatif sebagaimana yang dijelasakan oleh Brown dan Dowling(1998), ialah kajian yang menekankan kepada penghasilan makna (*production of meaning*). Berlainan daripada hanya bergantung kepada fakta dan rajah, ujian dan juga persampelan dan subjek kajian; kualitatif mengambil kira apa yang tidak disentuh oleh kajian kuantitatif , iaitu pandangan subjetif seseorang, akibat yang dirancang dan tidak dirancang(*interded & unintended consequences*), keanihan seseorang dan sebagainya.

3.2 Lokasi

Lokasi yang dipilih oleh pengkaji dalam kajian ini ialah di sekitar Bandar Kuala Terengganu, iaitu di kampung Pasir Panjang dan kampung sekitarnya, kerana di situ masih ramai penenun yang bergiatan aktif dalam industri songket Terengganu. Selain itu, pengkaji juga telah menemu bual pengusaha dan pekerja songket seperti di Arfa Batik di Chendering, Terengganu.

3.3 Reka Bentuk Kajian

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Kajian kualitatif mencari dan mengumpul bahan yang relevan dengan menggunakan rujukan dan temu bual untuk mengkaji penggunaan corak pada kain Songket. Melalui kaedah perpustakaan dan temu bual pengkaji dapat mengumpul segala maklumat dengan tepat.

Maklumat dan data diperolehi dengan kaedah kajian perpustakaan dan temu bual. Kajian perpustakaan merujuk kepada buku, tesis, kertas kerja, jurnal dan akhbar yang memperkatakan mengenai jenis-jenis corak songket yang terdapat di seluruh Malaysia. Dalam kajian ini, pengkaji hanya menumpukan corak pada songket Terengganu sahaja.

Bahan-bahan maklumat yang diperolehi tidak di khususkan kepada negeri Terengganu sahaja tetapi secara menyeluruh dan bersesuaian dengan kajian yang dijalankan.

Melalui kajian ini pengkaji ingin mengkaji mengenai unsur alam dalam reka corak songket Terengganu. Oleh itu, kaedah kajian temu bual dan perpustakaan merupakan kaedah yang paling sesuai digunakan untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai corak songket Terengganu.

Dalam kajian ini aspek yang berkaitan ialah aspek fenomena kehidupan masyarakat dengan alam persekitaran. Corak-corak yang direka oleh penenun songket kebanyakkan diilhamkan daripada alam persekitaran, hal ini menunjukkan kepandaian masyarakat dalam mencipta sesuatu yang baru.

3.4 Kaedah kajian

Kaedah kajian merupakan cara atau kaedah bagaimana pengkaji memperolehi data. Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah perpustakaan dan kaedah kajian teks bagi memudahkan pengkaji menyiapkan tajuk kajian yang dipilih. Bagi kaedah perpustakaan pengkaji akan mencari bahan-bahan rujukan yang relevan seperti buku, majalah atau jurnal yang berkaitan dengan corak-corak songket.

Melalui kaedah temubual pula, pengkaji telah menemubual beberapa penenun songket di sekitar Bandar Terengganu untuk memperolehi data berkaitan corak pada kain songket Terengganu, kerana reka corak pada kain songket hanya ditentukan oleh penenun songket sahaja. Penjual dan pengguna kain songket mungkin hanya mengenali nama corak tetapi tidak mengenali bentuk corak tersebut disebabkan itulah pengkaji hanya

menemubual penenun songket sahaja kerana mereka lebih arif berkaitan dengan reka corak.

3.5 Prosedur Kajian

Sebelum menjalankan kajian, pengkaji terlebih dahulu mencari bahan kajian yang berkaitan dengan tajuk yang telah dipilih. Dalam kajian ini, pengkaji menekankan penggunaan unsur alam sebagai corak pada kain songket Terengganu. Kajian ini tertumpu di negeri Terengganu sahaja. Walau bagaimanapun, corak songket di negeri-negeri lain juga dijadikan sebagai penambahan rujukan atau sebagai rujukan sampingan.

Pengkaji terlebih dahulu mengkaji jenis-jenis corak pada kain songket melalui kaedah perpustakaan serta memerhati corak pada kain songket yang berada di pasaran sebelum menjalankan kajian dengan lebih teliti. Hal ini akan memudahkan pengkaji untuk meneruskan kajian ini sehingga berjaya.

Selain daripada menggunakan kaedah perpustakaan, pengkaji juga menggunakan kaedah temu bual. Kaedah ini lebih menyenangkan pengkaji untuk memperolehi segala data mengenai tajuk yang dipilih. Pengkaji telah memilih beberapa penenun kain songket di sekitar Terengganu untuk mengumpul data mengenai corak-corak pada kain songket. Pengkaji hanya memilih penenun sahaja dalam temu bual kajian ini kerana hanya penenun kain songket sahaja mengenali corak yang digunakan pada kain songket.

Pengkaji telah menyediakan beberapa soalan untuk di anjurkan kepada penenun-pnenun songket dalam mengumpul segala data mengenai corak songket.

SOALAN TEMU BUAL/ INTERVIEW

1. Adakah reka corak songket Terengganu diperolehi daripada alam sekitar?
2. Nyatakan jenis corak songket yang bermotifkan tumbuh-tumbuhan?
3. Nyatakan jenis corak songket yang bermotifkan haiwan?
4. Nyatakan jenis corak songket selain daripada bermotifkan tumbuh-tumbuhan dan haiwan?
5. Adakah kain songket Terengganu mempunyai bahagian-bahagian tertentu dalam kain songket dan nyatakan bahagian tersebut?
6. Kebiasaan corak apakan yang digunakan di bahagian kaki kain?
7. Corak apakah yang sering digunakan pada bahagian badan kain?
8. Corak apakah yang digunakan pada bahagian tepi kain?
9. Corak apakah yang digunakan oleh penenun songket pada bahagian pengapit kain?
10. Adakah corak pada kain songket ditentukan sendiri oleh penenun?
11. Selain alam semulajadi, dari manakah penenun memperolehi sumber idea mencipta corak?
12. Adakah aktiviti persekitaran kampung juga mempengaruhi reka corak pada kain songket? Nyatakan jenis corak tersebut?
13. Faktor yang mempengaruhi pemilihan corak pada kain songket Terengganu?
 - a) Pemilihan corak berdasarkan kecantikan dan keunikan
 - b) Pemilihan corak berdasarkan mudah didapat

3.6 Kesimpulan

Reka corak dijadikan sebagai ragam hias pada kain songket Terengganu, tanpa corak kain songket tidak bernilai. Pengkaji telah menganalisi data menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan dibantu oleh keadaan perpustakaan dan kaedah temubual. Keadah temubual dan kajian perpustakaan merupakan kaedah utama bagi memperolehi data dan maklumat. Tumpuan pengkaji dalam kajian ini ialah mengenai unsur alam dalam reka corak songket Terengganu.

Dalam kehidupan seharian kita dapat merasai banyak perkara seperti hubungan manusia, pencipta dan alam. Walau bagaimanapun, segala-galanya kini telah kemas dengan adanya disiplin ilmu yang telah dipelajari dan dimiliki. Dalam hal ini, reka corak pada songket bukan sahaja sebagai hiasan semata-mata malah ia mengambarkan identiti orang Melayu yang cintakan alam semulajadi. Alam semulajadi bukan sahaja memberikan kehidupan kepada manusia malah melalui alam semulajadi pelbagai idea kreatif dapat dicipta. Oleh itu pentingnya untuk kita memelihara alam kurniaan tuhan ini dengan sebaiknya kerana ia merupakan satu amanah dariNYA dan kita sebagai hambanya yang telah diamanahkan menjadi khalifah dimuka bumi ini harus menjaga alam sekitar dengan sewajarnya..

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Dalam dapatan kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa cara untuk menganalisis data yang diperolehi. Dalam kajian ini pengkaji telah menggunakan kaedah kualitatif untuk memperolehi data. Kaedah kualitatif merupakan kaedah perolehan data melalui teks, temubual dan maklumat bertulis seperti tesis dan jurnal. Data kualitatif tidak melibatkan maklumat bertulis berunsurkan nombor.

MALAYSIA
KELANTAN

Kajian yang dijalankan oleh pengkaji ialah mengenai unsur alam dalam reka corak Songket Terengganu. Pengkaji telah menjalankan kaedah perpustakaan dan keadah temubual untuk memperolehi maklumat dan menganalisi data tersebut. Melalui kajian ini, pengkaji dapat mengetahui adakah corak pada Songket Terengganu berunsurkan alam.

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kualitatif, kajian kualitatif ialah mencari dan mengumpul bahan yang relevan dengan rujukan yang dikaji seperti corak-corak songket. Maklumat yang terkumpul dianalisis dan disenaraikan corak-corak Songket.

Tujuan utama pengkaji ingin mengkaji corak-corak yang terdapat pada songket Terengganu. Hal ini kerana, generasi muda sekarang tidak mengenali corak-corak yang terdapat pada kain songket. Dengan adanya kajian ini sedikit sebanyak dapat membantu generasi sekarang mengenali kain songket. Kain songket merupakan satu kebanggaan masyarakat Melayu oleh itu martabat kain songket harus diangkat dan dipelihara agar tinggalan yang berharga ini dapat dikekalkan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.2 Unsur Alam Pada Reka Corak Songket

Melalui kajian yang dibuat, pengkaji telah mengenalpasti terdapat 3 reka corak pada kain songket Terengganu. Reka corak tersebut ialah susunan bunga penuh, susunan bunga bertabur dan susunan bercorak. Pengkaji juga telah mengenalpasti terdapat unsur alam pada kain songket tersebut. Terdapat 15 unsur alam yang telah di kenalpasti oleh pengkaji pada kain songket Terengganu.

Reka corak susunan bunga penuh



Reka corak susunan bunga penuh ialah reka corak yang disulam dengan benang emas/perak memenuhi seluruh bahagian kain. Corak yang digunakan pada reka corak susunan kebiasanya disusun supaya kelihatan beberapa rantai yang berhubung bersama.

Reka corak susunan bunga bertabur



Reka corak bunga bertabur ialah corak yang mempunyai motif berasingan disusun dalam beberapa cara. Kadang-kadang terdapat dua atau tiga berasingan berselang-seli. Corak bunga bertabur selalu terdapat pada kawasan badan kain.

Reka corak susunan bercorak



Manakala reka corak susunan bercorak pula ialah reka corak ini penenun akan menyusun motif secara berdiri atau melintang.

4.3 Analisis Unsur alam pada reka corak songket

Terdapat 16 unsur alam yang terdapat pada reka corak songket Terengganu. Pengkaji telah mengenalpasti 15 unsur alam tersebut yang terbahagi kepada 3 ketegori iaitu tumbuhan, haiwan dan sumber alam. Dibawah ini pengkaji telah menyenaraikan kesemua 15 unsur alam tersebut.

4.3.1 Unsur tumbuhan

Pucuk Rebung




Pucuk rebung merupakan unsur alam yang digunakan dalam reka corak songket Terengganu. Pucuk rebung ialah unsur alam yang paling popular digunakan oleh penenun songket samaada dahulu ataupun sekarang.

Penenun songket dahulu memilih pucuk rebung sebagai corak pada kain songket kerana masyarakat dahulu melihat pucuk rebung bukan sahaja sebagai sumber makanan malah terdapat maksud tersirat disebalik pucuk rebung itu sendiri. Kita sering mendengar pepatah melentur buluh biarlah dari rebungnya, hal ini membawa maksud untuk membimbing atau mendidik seseorang harus mendidik ketika usianya masih muda.

Melalui pemilihan pucuk rebung sebagai corak pada kain songket, pengkaji mendapati bahawa betapa kreatif pemikiran orang dahulu sehingga pucuk rebung yang kalau dilihat dengan mata kasar tidak mempunyai keunikan dari segi bentuknya namun begitu, lain pula pemikiran penunun songket dahulu yang meniru unsur alam untuk dijadikan sebagai motif.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Tampuk Manggis



Unsur alam seterusnya ialah tampuk manggis, tampuk manggis juga merupakan unsur alam yang sering digunakan oleh penenun songket. Manggis merupakan buah yang lazat dan kulitnya dijadikan pewarna malah kulit buah manggis digunakan dalam perubatan Melayu tradisional untuk mengubati cirit birit. Penenun songket mendapat inspirasi mencipta motif tampuk manggis daripada buah manggis tersebut. Corak tampuk manggis ini kebiasaanya terdapat pada reka corak bunga penuh dan bunga bertabur. Masyarakat Melayu dahulu pencipta motif songket berdasarkan sumber yang ada di sekeliling mereka.

Buah kecupu



Universiti
Malaysia
Sabah
KELANTAN

Buah kecupu merupakan salah satu unsur alam yang dipilih untuk menghasilkan corak songket. Penenun memilih buah kecupu sebagai sumber inspirasi mereka dalam menghasilkan corak. Buah kecupu enak dimakan bagi yang mengemarinya. Corak buah kecupu diambil pada tampuk buah kecupu. Corak buah kecupu mempunyai empat kelompok seakan corak daripada unsur alam cendawan. Corak buah kecupu ini biasanya terdapat pada reka corak bunga penuh.

Buah cermai

Buah cermai merupakan unsur alam yang terdapat pada kain songket. Penenun songket mendapat inspirasi daripada buah cermai untuk dijadikan sebagai corak songket. Buah cermai mempunyai beberapa bentuk yang direka oleh penenun untuk dijadikan hiasan pada kain songket. Buah cermai dipilih sebagai corak pada kain songket kerana penggunaan buah cermai dalam masyarakat menjadi ia dipilih sebagai hiasan songket.


Bunga Cengkikh



Bunga cengkikh kebiasaanya digunakan di dalam masakan, tetapi berlainan pula dengan bunga cengkikh ini kerana menjadi corak pada kain songket. Bunga cengkikh sama seperti unsur alam yang lain apabila dilihat tidak mempunyai keunikan tetapi mengapa penenun songket dahulu memilih bunga cengkikh sebagai salah satu antara corak pada kain songket.

Melalui kajian dibuat, pengkaji mendapati mengapa bunga cengkikh dipilih sebagai corak pada kain songket kerana bunga cengkikh merupakan ramuan yang penting di dalam masakan disebab itulah penenun memilih bunga cengkikh sebagai corak disamping itu bentuk bunga cengkikh yang kecil menyebabkan penenun tertarik mengambil bunga cengkikh sebagai corak songket

Bunga Melur




Bunga melur atau nama saintifiknya jasminum sambac merupakan unsur alam yang dijadikan corak pada kain songket. Penenun songket melihat bunga melur sebagai sumber inspirasi dalam mencipta reka corak songket. Penenun songket dahulu terlalu rapat dengan alam sehingga untuk menghasilkan corak mereka hanya melihat unsur alam di sekeliling persekitaran mereka sahaja. Bunga melur berwarna putih kebiasaanya ditanam disekitar rumah sahaja kerana bunga melur mempunyai khasiat dari segi perubatan malah baunya yang harum menyebabkan penenun memilih bunga melur sebagai corak songket. Kebiasaan motif bunga melur tedapat pada reka corak bunga penuh dan bunga bertabur.

Cendawan



Bunga cendawan merupakan antara unsur alam yang menjadi pilihan penenun songket. Penenun meniru bentuk bunga cendawan untuk dijadikan motif kain songket. Motif ini menyerupai bentuk asal cendawan dengan tangkai yang panjang. Keempat-empat bentuk kelompak ini digabungkan di bahagian tengah dengan empat kelompak kecil yang lain. Empat kelompak kecil di letakkan secara menyerong di antara kelompak besar. Penenun songket memilih bunga cendawan sebagai corak mungkin disebabkan khasiat cendawan dalam bidang perubatan disamping itu terdapat cendawan yang boleh dijadikan makanan pada masyarakat dahulu.


Bunga Pecah Empat



Bunga pecah empat merupakan bunga yang sering digunakan pada kain songket Terengganu. Bentuk bunga ini mempunyai empat kelompok dan ia tidak dikaitkan dengan mana-mana bunga. Bunga pecah empat hanya melambangkan bentuk bunga yang mempunyai empat kelompok. Motif ini boleh didapati dalam ukuran besar atau sederhana. Kebiasaanya bunga pecah empat digunakan dalam songket corak bunga bertabur dan biasanya terletak pada badan dan kepala kain.

MALAYSIA
KELANTAN

Bunga Pecah Lapan



Bunga pecah lapan merupakan bunga yang sering digunakan pada kain songket Terengganu. Bentuk bunga ini mempunyai lapan kelompok dan ia tidak dikaitkan dengan mana-mana bunga. Bunga pecah lapan hanya melambangkan bentuk bunga yang mempunyai lapan kelompok dan berbentuk bintang. Motif ini boleh didapati dalam ukuran besar atau sederhana. Kebiasaanya bunga pecah empat digunakan dalam songket corak bunga bertabur dan biasanya terletak pada badan dan kepala kain.

MALAYSIA
KELANTAN

Bunga Raya



Bunga raya juga merupakan unsur alam yang dipilih untuk dijadikan sebagai reka corak dalam songket Terengganu. Bunga raya yang merupakan bunga kebangsaan Malaysia dipilih kerana ia melambangkan bangsa Melayu, 5 kelompak bunga raya melambangkan 5 rukun islam yang merupakan agama bagi orang Melayu. Selain itu bunga raya juga mempunyai khasiat dalam perubatan disebabkan itulah bunga raya dipilih sebagai corak songket. Bunga raya biasanya digunakan pada reka corak songket bunga bertabur.

MALAYSIA
KELANTAN

4.3.2 Unsur Daripada Haiwan

Unduk-unduk / Kuda Laut



Kuda laut atau dikenali juga sebagai unduk-unduk, merupakan unsur alam daripada haiwan yang sering digunakan pada songket. Motif ini sangat popular pada kain songket bunga bertabur dan teluk berantai. Ia mempunyai bentuk “s” yang kelihatan seperti kuda laut. Apabila corak ini dihubungkan ia akan menjadi corak berantai dan dipanggil rantai unduk-unduk.

Siku Keluang



Keluang merupakan unsur alam daripada haiwan, bentuk siku keluang ditiru untuk dijadikan sebagai corak dalam songket. Bentuk motif ini berbentuk segitiga yang diulang-ulang bentuknya. Motif ini biasanya digunakan pada kaki dan kepala kain.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

Rama-rama



Rama-rama merupakan salah satu unsur alam daripada haiwan yang dipilih sebagai corak pada kain songket. Rama-rama dipilih sebagai corak pada songket kerana kecantikan rama-rama tersebut menyebabkan ia dipilih. Penenun kain songket hanya melihat di persekitaran mereka untuk menghasilkan corak. Oleh disebabkan kecantikan pada rama-rama, menjadikan bentuknya ditiru dalam kain songket.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN


4.3.3 Unsur sumber alam

Gunung



Gunung juga merupakan salah satu corak yang digunakan pada kain songket. Penenun songket meniru bentuk gunung untuk dijadikan sebagai motif pada kain songket. Penenun songket dahulu hanya melihat sumber alam yang berada di sekeliling untuk mencipta motif. Motif dari gunung dipilih sebagai corak kerana dahulu gunung merupakan sumber alam yang memberi manfaat kepada manusia dari segi sumber makanan dan sumber kayu-kayan.

KELANTAN

Bintang Beralih

Motif ini adalah gambaran kepada sumber alam iaitu bintang. Motif ini mempunyai lapan kelompak yang tajam. Kebiasannya corak bintang beralih berada di badan kain dengan rekacorak bunga bertabur dan bunga penuh. Penenun songket dahulu memilih unsur alam ini sebagai corak pada songket kerana bintang merupakan satu anugerah kepada manusia sebagai menyeri pada waktu malam. Penenun songket melihat bintang sebagai inspirasi bagi mereka mencipta corak.

MALAYSIA
KELANTAN

Unsur Alam	Reka corak		
	Bunga penuh	songket Bunga bertabur	Susunan bercorak
Pucuk rebung			Ada
Tampuk manggis	Ada	Ada	
Buah kecupu	Ada		
Buah cermai	Ada		Ada
Bunga cengkih	Ada	Ada	Ada
Bunga melur	Ada	Ada	
Bunga pecah empat	Ada	Ada	
Bunga pecah lapan	Ada	Ada	
Bunga raya		Ada	
Cendawan	Ada		
kuda laut	Ada		Ada
Keluang			Ada
Rama-rama	Ada		
Gunung			Ada
Bintang beralih	Ada	Ada	Ada

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.4 Bahagian-bahagian pada Songket

Melalui kajian yang telah dibuat, terdapat 4 bahagian kain songket iaitu kepala kain, badan kain pengapit kait dan tepi kain. Setiap bahagian kain songket mengandungi unsur alam.

Badan kain	P e n g a n p i t	kepala kain	Kaki kain	Badan kain
------------	---	-------------	-----------	------------

Bahagian-bahagian kain songket

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.4.1 Kepala Kain

Bahagian kepala kain merupakan antara bahagian penting pada kain songket. Reka corak yang menjadi hiasan pada bahagian ini adalah susunan bercorak dimana unsur alam yang dipilih akan diulang-ulang susunannya samaada menegak atau melintang. Unsur alam yang menjadi pilihan utama pada bahagian kepala ini ialah pucuk rebung atau lawi ayam. Namun begitu terdapat juga unsur alam yang lain buah cermai, cengkikh, bunga pecah lapan, buah kecupu dan tampuk manggis yang menjadi pelengkap pada bahagian ini.



UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN

4.4. 2 Badan kain



Badan kain merupakan bahagian yang terbesar didalam kain songket. Reka corak yang biasa digunakan pada badan kain ialah reka corak bunga penuh dan corak bunga bertabur. corak bunga penuh kelihatan bersambung antara rantai dengan rantai yang lain manakala corak bunga bertabur pula ialah corak bunga yang di sulam berjauhan antara satu dengan yang lain. Unsur alam yang sering digunakan pada badan kain ialah seperti tumpuk manggis, bunga raya, bunga pecah empat, bunga pecah lapan, bunga melur, cengkik ,cermai, buah kecupu, cendawan, kuda laut, rama-rama dan bintang beralih.

MALAYSIA
KELANTAN

4.4.3 Pengapit kain



Selain kepala dan badan kain, bahagian pengapit kain merupakan salah satu bahagian yang terdapat pada kain songket. Pengapit kain merupakan sempadan antara bahagian kepala dan badan kain. Unsur alam yang sering digunakan pada bahagian ini ialah buah cermai dan gunung.

4.4.4 Kaki kain



Bahagian kaki songket ini mempunyai corak yang melintang mengikut sepanjang tepi kain dan sebagai sempadan memisahkan antara dua bahagian kain. Unsur alam yang sering digunakan pada bahagian ialah pucuk rebung, siku keluang, bunga pecah lapan dan bintang beralih.

Unsur Alam	Bahagian		
	Kepala	Kain Badan	Pengapit kaki
Pucuk rebung	Ada	-	Ada
Tampuk manggis	Ada	Ada	
Buah kecupu	Ada	Ada	
Buah cermai	Ada	Ada	Ada
Bunga cengkih	Ada	Ada	
Bunga melur		Ada	
Bunga pecah empat		Ada	
Bunga pecah lapan	Ada	Ada	Ada
Bunga raya		Ada	
Cendawan		Ada	
kuda laut		Ada	
Siku Keluang	Ada		Ada
Rama-rama		Ada	
Gunung			Ada
Bintang beralih		Ada	Ada

4.5 Faktor Pemilihan corak Songket

Corak pada songket memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan songket yang berkualiti dan berharga. Nilai kain songket terletak pada keunikan dan kecantikan corak pada kain tersebut. Penghasilan corak yang menarik memerlukan sifat kreatif untuk mengolah corak pada kain songket dan sifat kreatif itu yang lahir dalam diri penenun itu sendiri. Oleh itu pemilihan corak pada kain songket memainkan peranan penting. Kebanyakkan corak dan motif pada kain songket sekarang adalah sama dengan corak dan motif kain songket dahulu. hal ini kerana motif dan corak songket merupakan bersifat tradisional. Pemilihan corak pada kain songket melibatkan dua faktor iaitu kecantikan atau keunikan dan mudah didapati.

4.5.1 Kecantikan atau keunikan

Pemilihan corak pada kain songket melibatkan faktor kecantikan dan keunikan iaitu setiap corak yang dipilih untuk dijadikan motif songket dipilih berdasarkan oleh kecantikkan unsur alam tersebut. Pemilihan berdasarkan kecantikan atau keunikan ini kebiasaan tertumpu pada unsur alam seperti tumbuhan, haiwan dan sumber alam seperti , gunung-gunung.

Pemilihan corak berdasarkan kecantikkan adalah tertumpu kepada unsur alam daripada tunuhan iaitu bunga, bunga yang dijadikan motif kain songket seperti bunga melur dan bunga raya. Bunga-bunga ini kelihatan cantik dari segi warnanya iaitu bunga

raya berwarna merah manakala bunga melur berwarna putih. Selain itu bunga melur mempunyai keharuman yang sungguh mempersonakan. Selain unsur alam daripada bunga, terdapat juga unsur alam daripada haiwan yang dipilih berdasarkan kecantiknya iaitu rama-rama. Rama-rama merupakan serangga yang cantik, kecantikan pada rama-rama dapat dilihat pada warnanya berwarna-warni. Hal ini menyebabkan rama-rama dipilih sebagai corak pada kain songket.

Selain unsur alam daripada tumbuhan dan haiwan terdapat unsur alam daripada sumber alam yang dipilih berdasarkan keunikan sebagai corak songket. Sumber alam mempunyai makna kepada manusia mendorong penghasilan pada corak songket. Sumber alam yang dipilih berdasarkan keunikan ialah gunung dan teluk. Gunung pada masa dahulu menjadi tempat tinggal manusia dan merupakan sumber kepada manusia memperolehi sumber makanan dan kayu-kayan disebabkan keunikan pada gunung, penenun mengambil unsur alam tersebut sebagai motif pada kain songket. Selain gunung, teluk juga menjadi salah satu corak pada kain songket. Teluk merupakan satu kawasan yang indah dan menjadi sumber air kepada manusia dan kehidupan laut disebabkan itulah teluk dipilih sebagai corak songket disebabkan faktor keunikan teluk yang bersambung antara satu dengan lain. Bintang juga merupakan sumber alam yang menjadi pemilihan oleh penenun menghasilkan corak songket, bintang dipilih kerana keunikannya sebagai penyeri pada waktu malam dan juga pentunjuk arah kepada nelayan atau pedangan di tengah laut. Oleh disebabkan itulah bintang juga menjadi pemilihan penenun mencipta corak.

KELANTAN

4.5.2 Mudah Didapati

Faktor kedua yang menjadi pemilihan bagi corak songket ialah faktor mudah didapati. Mudah didapati bermaksud unsur alam yang berada di sekeliling kita yang menjadi sumber inspirasi kepada penenun untuk mencipta corak songket. Faktor pemilihan corak daripada mudah didapati bermaksud unsur alam yang mudah diperolehi yang berada di sekeliling penenun seperti unsur alam daripada tumbuhan. Unsur alam yang mudah didapati seperti pucuk rebung, bunga cengkoh, buah cermai, cendawan, buah kecupu dan pucuk rebung merupakan unsur alam yang berada di sekeliling penenun itu sendiri. Hal ini memudahkan penenun untuk meniru bentuk unsur alam tersebut untuk dijadikan sebagai corak pada kain songket.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

RESPONDEN 1

Menurut zainah binti Hasan berumur 62 tahun yang berasal daripada Kampung Pasir Panjang kuala Terengganu. Beliau mempunyai pengalaman dalam dunia tenunan songket selama 15 tahun. Beliau menyatakan bahawa corak yang terdapat pada kain songket ini di inspirasikan daripada unsur alam yang terdapat di sekeliling penenun tersebut. Selain itu beliau menyatakan bahawa reka corak songket terdiri daripada reka bentuk bunga penuh, bunga bertabur dan corak bersusun. Didalam reka corak songket terdapat pelbagai unsur alam yang diterjemahkan pada kain songket.

RESPONDEN 2

Menurut Fatiamh bt Jusoh berumur 71 tahun yang berasal di kampung Pasir Panjang kuala Terengganu. Beliau mempunyai pengalaman dalam bidang tenunan songket selama 20 tahun. Beliau menyatakan bahawa pemilihan corak pada kain songket disebabkan beberapa faktor iaitu faktor kecantikkan atau keunikian dan faktor mudah didapati. Menurutnya juga terdapat unsur alam yang digunakan dalam reka corak seperti pucuk rebung, tapuk manggis, dan sebagainya.

4.7 Kesimpulan

Melalui maklumat yang telah dikumpul oleh pengkaji, pengkaji telah menemui terdapat banyak sumber alam semulajadi yang menjadi inspirasi kepada penenun untuk menghasilkan corak dan motif songket. Dalam kajian ini pengkaji hanya melihat beberapa motif penting dalam kain songket. Terdapat 15 unsur alam yang dikenalpasti oleh penenun pada kain songket Terengganu, antara motif yang penting seperti pucuk rebung, tampuk manggis, buah cermai dan banyak lagi. 15 motif yang dikaji oleh pengkaji, merupakan antara motif yang sering digunakan oleh penenun.

Terdapat 3 reka corak yang sering digunakan oleh pengkaji dalam kaji songket iaitu reka corak bunga penuh, bunga bertabur dan reka corak susunan bercorak. Motif-motif yang berunsurkan alam semulajadi digunakan pada reka corak tersebut untuk menghasilkan satu kain songket yang cantik dan bermutu tinggi. Antara motif yang sering digunakan pada reka corak bunga bertabur ialah motif tampuk manggis.

Selain itu juga, kain songket mempunyai beberapa bahagian antaranya kepala kain, tepi kain, badan kain dan pengapit. Motif yang dipilih juga bukan hanya dipilih secara rambang tetapi terdapat beberapa faktor yang menjadikan unsur alam tersebut diadaptasi kepada motif kain, antara faktor tersebut ialah keunikan dan mudah dimiliki. Penenun kain songket menggunakan faktor tersebut untuk memilih unsur alam untuk mencipta motif.

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab ini menghuraikan rumusan penemuan kajian tentang unsur alam pada reka corak songket Terengganu. Reka corak merupakan perkara yang penting dalam songket, tanpa reka corak kain songket hanya sebidang kain yang tidak bernilai. Songket merupakan simbol keaslian dan kesempurnaan hasil tenunan masyarakat Melayu sejak dahulu lagi sebagai salah satu warisan Melayu lama dan songket memerlukan ketelitian dan kreativiti yang tinggi untuk ditenun.

KELANTAN

Melalui kajian yang telah dibuat, pengkaji telah dapat menyelesaikan segala persoalan mengenai reka corak songket Terengganu. Sememangnya reka corak songket Terengganu berunsurkan alam semula jadi iaitu pengkaji telah menemui 15 unsur alam pada kain songket. Selain itu pengkaji juga telah mengenalpasti terdapat empat bahagian penting pada kain songket Terengganu iaitu kepala, badan, pengapit dan kaki kain.

Setiap bahagian pada kain songket Terengganu mengandungi unsur alam iaitu pada bahagian kepala, bahagian badan, bahagian pengapit kain dan bahagian kaki kain. Selain itu pemilihan corak merupakan faktor penting dalam menentukan kecantikan kain songket. Antara faktor pemilihan corak tersebut ialah faktor kecantikan atau keunikan dan mudah didapati. Faktor tersebut memainkan peranan penting dalam pemilihan corak.

5.2 Perbincangan

Melalui kajian yang dibuat, pengkaji mendapati terdapat unsur alam dalam reka corak songket Terengganu. Melalui perbincangan ini juga pengkaji dapat mengenali reka corak dan bentuk motif yang digunakan sedikit sebanyak memberi ilmu pengetahuan dan dapat mengenali jenis-jenis corak songket yang selama ini pengkaji tidak mengenali corak-corak yang digunakan pada kain songket.

Pengkaji berharap melalui kajian ini dapat memberi ilmu pengetahuan kepada orang ramai mengenai motif dan corak yang digunakan. Sepanjang kajian dibuat pengkaji mendapati ramai diantara penjual dan penenun songket yang tidak mengenali motif dan corak pada kain songket. Menurut sumber kajian yang dibuat pengkaji, ramai di antara penenun songket masa kini tidak mengenali corak yang ditenun, mereka menyatakan

bahawa mereka hanya meniru semula motif tradisional dan kebanyakkan diantara mereka tidak mengetahui mengapa corak tersebut dipilih. Dengan adanya kajian ini dapat memberi ilmu pengetahuan kepada orang lain.

5.3 Cadangan

Dalam kajian dibuat Pengkaji dapat memberi kepentingan kepada individu, masyarakat, institusi dan juga Negara. Kepentingan kajian ini terhadap individu ialah kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan kepada pelajar-pelajar yang ingin mengetahui dengan lebih mendalam jenis-jenis corak pada kain songket.

Selain itu melalui kajian ini individu yang mempunyai kain songket yang selama ini tidak mengetahui corak apa yang digunakan pada kain songket yang hanya melihat kain songket itu cantik kerana coraknya, akan dapat mengetahui corak setelah merujuk pada kajian ini.

Kepentingan pada masyarakat pula kajian ini penting sebagai pengajaran kepada masyarakat supaya memelihara alam kerana melalui alam masyarakat memperolehi idea dalam menghasilkan sesuatu barang. Kepentingan kepada insitusi pula ialah dapat menghasilkan kain songket yang cantik dan bermutu tinggi. Corak yang cantik pada kain songket boleh digunakan untuk menghiasi bangunan atau hotel-hotel.

Manakala kepentingan pada Negara pula corak pada songket boleh dijadikan sebagai satu aset pelancongan kerana corak yang cantik pada songket menjadi tarikan kepada pelancong asing yang datang ke Terengganu dan sedikit sebanyak akan menambah pendapatan Negara melalui kedatangan pelancong asing ke Malaysia

Songket dan batik merupakan produk warisan yang popular di Terengganu. Namun begitu Songket Terengganu tidak mempunyai nasib yang baik seperti batik. Hal ini kerana songket merupakan pakaian yang hanya dipakai waktu tertentu sahaja seperti majlis perkahwinan, perayaan dan majlis diraja berlainan pula dengan kain batik yang dipakai bila-bila masa dan kakitangan kerajaan diwajibkan memakai kain batik pada hari yang ditetapkan disebabkan itulah batik lebih mendapat tempat dipasaran berbanding dengan songket.

Selain itu songket Terengganu mengalami masalah persaingan dengan songket yang dihasilkan dengan mesin dan songket daripada india. Masalah ini menyebabkan songket Terengganu berada di tahap yang membimbangkan lebih-lebih lagi harga songket tenunan yang mahal menyebabkan orang ramai akan berfikir dua kali untuk membelinya.

Songket Terengganu boleh dijadikan satu aset perlancongan bagi negeri ini kerana nilai dan keunikan yang terdapat pada kain tersebut dapat menarik pelancong asing untuk datang ke Terengganu untuk membelinya. Sedikit sebanyak dapat menaikkan aset pelancongan dan ekonomi negeri dengan kehadiran pelancong asing. Selain itu pihak yang bertanggungjawab harus memelihara aset Negara ini supaya ia tidak hilang ditelan zaman.

Keunikan dan kecantikan pada kain songket melambangkan identiti masyarakat Melayu. Oleh itu kain songket perlu dinaikkan tarafnya keperingkat global supaya dunia akan melihat kain songket ini merupakan kain yang berkualiti setanding dengan kain yang terkenal pada masa kini.

Usaha memartabatkan industri songket perlu dilakukan secara berterusan untuk mematikan songket sentiasa popular. Pengusaha tekstil perlu menjenamakan songket keluaran Negara yang menepati kehendak dunia fesyen. Cita rasa masyarakat antarabangsa terutama dari segi warna dan corak perlu dikenalpasti sebelum songket dibawa ke pasaran antarabangsa, pengusaha perlu menunjukkan kesungguhan dengan menjaga kualiti agar mampu menembusi pasaran dunia.

Dunia sekarang terdedah dengan teknologi canggih oleh harus berusaha mencipta mesin yang dapat disesuaikan dengan tahap penenunan yang ada di Negara ini. Bidang tenunan songket di Negara ini perlu memasuki arus kemodenan yang menggunakan teknologi berasaskan komputer. Selain menghasilkan corak dan kualiti yang hampir dengan tenunan tangan, kapasiti pengeluaran tekstil juga dapat di tinggikan bagi menampung permintaan yang tinggi.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.4 Kesimpulan

Kesimpulannya songket Terengganu merupakan satu warisan Melayu yang harus kita kekalkan supaya generasi akan datang mengenali kain songket. Kain songket merupakan satu seni Melayu yang bernilai tinggi kerana pembuatannya bermutu tinggi dan reka coraknya yang menarik.

Melalui kajian ini pengkaji mendapati terdapat unsur alam dalam reka corak Terengganu. Pemilihan corak pada kain songket berdasarkan faktor kecantikkan atau keunikan dan faktor mudah didapati. Melalui faktor ini unsur alam dipilih untuk dijadikan corak songket.

Melalui kajian ini, ia dapat memberi kepentingan kepada individu, masyarakat, insitusi dan juga Negara. Selain itu usaha memartabatkan industri songket Terengganu perlu dilakukan secara berterusan untuk memastikan songket sentiasa popular dan digunakan busana perkahwinan, cenderahati, hiasan dinding dan sebagainya.

Persaingan daripada kemasukan songket yang di import dari Pakistan dan india yang menggunakan mesin untuk menghasilkannya akan merendahkan mutu pembuatan songket. Oleh itu, industri songket tempatan perlu dipertingkatkan dan dikomersialkan hingga ke peringkat antarabangsa.Kehalus dan keindahan songket sebagai lambang warisan seni tenunan Melayu yang diwarisi zaman-berzaman sememangnya memukau jika dihayati dengan mendalam.

KELANTAN

Corak dan motifnya memaparkan identiti orang Melayu, di samping memcerminkan cita rasa budaya bangsa yang hidup dalam alam persekitaran yang kaya dengan keindahan dan keunikan. Songket mempunyai nilai sejarah yang tinggi sebagai fabrik warisan agung. Selain berupaya mengangkat martabat seseorang, motif dan warna songket melambangkan kedudukan seseorang.



UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

Sumber Rujukan

Buku

- Asmad (1990), *Seni Pertukangan Seni Bina dan Seni Khat (m/s 35)*: Associated E Education Distributors (M) Sdn. Bhd. Melaka.
- Azah Aziz, 1990. *Selayang Kenangan*. Kuala Lumpur : AMK Interaksi Sdn. Bhd. Ku Zam Zam (Jun 1984). "Nilai keindahan dalam Seni Kraftangan Melayu dalam Dewan Budaya, hlm 40- 43.
- Haziyah Hussin (2006), *Motif Alam dalam Batik dan Songket Melayu*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ku Zam Zam, 1989. "Budaya Metarial dan Teknologi: Pertukangan Melayu " dlm
- Mohd. Taib Othman (ed), 1989 Masyarakat Melayu – Struktur, Organisasi dan Manifestasi. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norwani Mohd. Nawawi (1994), *Malaysia Songket* : Dewan Bahasa dan Pustaka, Selangor.
- Muhammad Afandi Yahya, 1995. *Simbolisme dalam Seni Bina Rumah Melayu Kelantan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohd. Kasim Hj. Ali, 1990. *Barang Kemas Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Mohd.Yatim, 1989. *Islamic Arts*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rahman Bujang dan Wan Kadir wan Yusoff, 1996. *Seni, Budaya dan Masyarakat*. Kfertas kerja yang dibentangkan di Seminar Seni dan Kosmologi, kuala lumpur, 1-2 Oktober, 1996.
- Said Ahmad Jamal, Mohd Fadzil (1979), *Rupa dan Jiwa* : universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Shellabear, W.G.,1977. *Sejarah Melayu*,kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Siti Zainon Ismail (1986), *Rekabentuk Kraftangan Melayu Tradisi*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Zainon ismail (1949), *Tekstil Tenunan Melayu* : Pustaka Negara Malaysia.

Syed Zulflida Syed Mohd. Noor, 1992. : "Konsep Estetika Melayu : Satu Pengenalan". Kertas Kerja Dibentangkan di Bengkel Motif Tekstil, Asian& Pacific Development Centre.

Yusman Ayob, *Kraftangan dan Senibina Tradisional* : Penerbit Prima Sdn. Bhd.

Wan Hashim Wan Teh, 1996. *Malay Handicraft Industries*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wingate, Isabel B., 1979. *Fairchld's Dictionary of Textiles*. Edisi ke-6. New York: Fairchild Publications.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN